

21 JAN 1997

MAHATHIR: MSC DIBERI JAMINAN AKAN MENDAPAT LAYANAN ADIL

Oleh: Leong Koon Choy

TOKYO, 21 Jan (Bernama) -- Kesemua syarikat yang melabur atau mengambil bahagian dalam Koridor Raya Multimedia (MSC) diberi jaminan akan mendapat layanan yang adil, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau menjelaskan rasional projek tersebut yang melibatkan berbilion ringgit kepada para eksekutif kanan syarikat di California dan Jepun, kata beliau kepada para pemberita Malaysia di sini selepas tamatnya misi 10 hari untuk mempromosikan MSC.

Ditanya sama ada terdapat kebenaran bahawa beberapa eksekutif telah menyuarakan kebimbangan beberapa syarikat diberikan layanan istimewa berbanding yang lain, beliau menyatakan adalah biasa "semua orang mahukan layanan yang adil dan kita bersetuju dengan pendapat itu."

"Itu adalah kebimbangan yang biasa dan itulah sebabnya kita menemui mereka yang berminat untuk menjelaskan (projek MSC) kepada semua orang dan kita telah menjemput semua untuk menghadiri Panel Penasihat Antarabangsa (IAP)," kata beliau merujuk kepada 30 ahli panel yang ditubuhkan untuk memberikan nasihat kepada MSC.

Dr Mahathir telah mempengerusikan mesyuarat pertama IAP -- yang terdiri daripada beberapa nama terkenal dalam dunia multimedia seperti Bill Gates dari Microsoft, Louis Gerstner dari IBM, Nobuyuki Idei dari Sony, James Barksdale dari Netscape dan Gilbert Amelio dari Apple -- Khamis lepas di Universiti Stanford, Palo Alto, California, di tengah-tengah Lembah Silikon.

Selain daripada mesyuarat IAP dan menangani persidangan para pelabur di Beverly Hills in Los Angeles, industri multimedia di Stanford dan pelbagai perbadanan Jepun di sini, beliau juga telah mengadakan mesyuarat bersemuka dengan beberapa eksekutif kanan.

Pagi ini beliau telah menemui delegasi dari Persatuan Perisian Komputer Peribadi Jepun, yang diketuai oleh pengerusinya Tsukasa Takehara.

Di Santa Clara, California, minggu lepas, beliau telah menemui sekumpulan eksekutif daripada syarikat multimedia Asia.

Ditanya sama ada perlu untuk mengadakan mesyuarat IAP dengan lebih kerap berbanding sekali setahun sekarang, beliau menyatakan ini mungkin perlu di masa depan tetapi pada masa ini pandangan dan pendapat yang telah diterima adalah "mencukupi bagi kami menanganinya di sepanjang tahun."

Beliau menyatakan walaupun banyak dari syarikat itu yang telah menunjukkan minat untuk melabur dan menyertai MSC, beliau tidak dapat menyatakan dengan pasti berapa sebenarnya yang berbuat demikian, tetapi beliau percaya sebahagiannya akan berbuat demikian.

Beliau menyatakan peserta penting setakat ini ialah Nippon Telegraph and Telephone Corporation (NTT), syarikat telekomunikasi terbesar dunia. Naib Presiden Eksekutif Kanannya, Noboru Miyawaki, adalah ahli IAP.

Ini adalah kerana NTT tidak hanya memberikan nasihat kepada Malaysia dan menyertai penyelidikan untuk menentukan parameter dan dimensi MSC; ia telah bersedia untuk menyertai projek itu secara terus.

Dr Mahathir, yang menyifatkan NTT sebagai "peserta penting dalam mempromosikan MSC dan juga penyertaannya," beliau menambah kata syarikat itu berminat untuk menyertai penubuhan Universiti Multimedia dan penubuhan pusat penyelidikan dan pembangunan MSC.

Kesemua yang beliau temui di California telah memnyuarakan minat untuk menyertai MSC dan memberikan nasihat bagi melaksanakannya.

Di Jepun kesemua perbadanan besar dan syarikat perisian komputer telah menyatakan keinginan mereka untuk menyertai MSC.

Ahli IAP, walaupun ditubuhkan sebagai badan penasihat dan mempromosikan pelaburan, ia juga telah menunjukkan minat untuk menyertai dan adalah diharapkan agar "jika mereka mengambil bahagian, yang lain juga akan mengambil bahagian," kata beliau. -- BERNAMA

LKC RIF/sia